

Akademi Sukan UPM latih atlet TLDM

SERDANG Lembaga Kawalan Sukan (Lekas) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) memilih Akademi Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai perunding fizikal dan psikologi untuk atlet-atlet mereka bagi tahun 2009.

Timbalan Pengarah Akademi Sukan, Prof. Madya Dr. Muhammad Nazrul Hakim Abdullah berkata, khidmat UPM kepada TLDM sebagai persediaan atlet pasukan itu membuat persediaan kejohanan antarabangsa dan tempatan terutamanya acara perahu layar, bola tampar dan lumba basikal sudah masuk tahun ketiga.

"Akademi Sukan UPM akan mengendalikan 14 kursus sains sukan kepada atlet TLDM bagi tahun 2009 di mana enam kursus daripadanya ialah kursus baru dengan 60 peratus kursus dibuat secara praktikal untuk menarik perhatian atlet TLDM," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, kursus tersebut seperti Kursus Pengurusan Berat Badan, Kecederaan Dalam Sukan, Pembangunan dan Peningkatan Kecemerlangan Sukan, Pemakanan dan Kecergasan Sukan, Kaunseling Sukan dan Urutan Sukan.

Antara atlet TLDM yang mewakili negara ialah pemenang pingat perak Kejohanan Judo Antarabangsa 2008, Norazimah Mat Rased, Ishak Jab dalam acara perahu layar dan Mohd. Nor Ridzuan Zainal dalam acara lumba basikal.

Sebelum ini, Akademi Sukan UPM telah dipilih sebagai perunding fizikal dan psikologi kelab bola sepak Felda United yang bakal bersaing dalam Liga Perdana musim depan.